



KELUARAN KHAS  
**MENYAMBUT HARI KEBANGSAAN**  
 Pada 31HB. OGOS. 1975

**M**AH tidak mahu terpaksalah diakui bahawa perubahan-perubahan besar dalam bidang politik, ekonomi, agama dan kebudayaan yang terdapat sekarang ialah hasil perjuangan UMNO.

Tahun 1946 — tahun kelahiran parti itu — sudah agak lama berlalu, tetapi semangat yang dicetuskan dalam tempoh itu masih membara sehingga kini.

Sempe ulangtahun Hari Keingsaan yang dirayakan secara sederhana hari ini — salah satu kejayaan besar UMNO — adalah baik kita mengenang kembali perjuangan UMNO sebelum merdeka. Bukan untuk berhayal dengan zaman keagungan yang lalu, tetapi sebaliknya mencari semangat baru untuk terus berjuang.

Kekalahan Jepun dalam bulan Ogos 1945, kedatangan semula British ke Malaya telah mengubah langsung corak pemerintahan yang ada di Malaya pada waktu itu.

Malayan UNION diperkenalkan: Satu sistem pemerintahan yang mendapat tentangan hebat dari orang-orang Melayu sendiri.

Merka menganggap sistem itu — menggantikan sistem pemerintahan negeri-negeri Melayu Bersatu dan negeri-negeri Melayu tidak bersatu — telah menghapuskan kedaulatan dan ketuanan bangsa Melayu dan menjadikan Semenanjung Tanah Melayu sebagai jajahan takluk British.

Satu kongres Melayu yang pertama diadakan dan lahirnya UMNO — sebuah parti politik yang dianggotai oleh persatuan-persatuan, kesatuan-persatuan Melayu dengan matlamat: Menyatukan tenaga bangsa Melayu

seluruhnya bagi menentang Malayan UNION.

Sejak itu terbukalah satu lembaran baru dalam sejarah nasionalisma di kalangan orang Melayu, timbul kesedaran betapa pentingnya orang Melayu bersatu, menebus balik Tanah Melayu, mendapat kemerdekaan, menyatupadukan kaum, merasmikan Islam sebagai agama rasmi dan menjadi bahasa dan kebudayaan Melayu sebagai bahasa dan kebudayaan kebangsaan.

Serentak dengan itu satu rombongan diantiknya anggota oleh Allahyarham Dato' Onn bin Jaafar, Tunku Abdul Rahman, Allahyarham Datuk Panglima Gantang dan Datuk Zainal Abidin Abas sebagai anggota simpanan bagi menyampaikan bantahan dan tentangan terhadap sistem pemerintahan baru itu.

Bagaimanapun perwakilan itu tidak jadi dihantar ke London kerana sebaik-baik sahaja Kerajaan British mengetahui kekecohan dan keadaan kelam-kabut yang timbul di Tanah Melayu, satu rombongan ahli-ahli Parlimen British dihantar segera untuk menyasihat keadaan sebenar dan mengukir sejauh mana kemarahan orang-orang Melayu.

Dalam tahun itu, nyata sekali perjuangan UMNO lebih ketara menentang Bri-

tish. Persidangan Kongres Melayu Kedua berlangsung untuk menentukan sikap tegas UMNO dalam perjuangan ini.

Perjumpaan kali ini lebih hebat, penuh dengan rasa persatuan, perasaan hiba dan terharu terhadap nasib bangsa Melayu akan datang. Beberapa keputusan diambil, antaranya: Berkabung selama seminggu dengan melilitkan kain putih di songkok, memulaukan perlantikan Gabenor Malayan Union.

Ini menyebabkan Kerajaan British terpaksa membuat perhitungan semula kerana kemarahan orang Melayu bukan main-main lagi. Ke mana sahaja rombongan ahli Parlimen British itu pergi sambutan yang luar biasa diberikan bukan dengan sanjungan atau ucapan selamat datang tetapi dengan perarakan bantahan, dengan sepanduk-sepanduk yang menggunakan perkataan keras terhadap pengkhianatan British.

Setengah separuh itu ditulis dengan darah pemuda. Perjumpaan besar membantah Malayan Union telah diadakan di Kuala Kangsar sebagai kemuncakan daripada bantahan-bantahan yang telah diadakan.

Kerajaan Inggeris mengaku bahawa kebang-

# PERJUANGAN TEGAS UMNO SEBELUM MERDEKA

Oleh  
**CHAMIL  
 WARIYA**

kitan dan kesedaran politik bangsa Melayu selepas Perang Dunia Kedua ini tidak diambil ringan dan dilayan dengan sikap endah tidak endah sahaja.

Berikutan dengan bantahan-bantahan itu, Kerajaan Inggeris mengarahkan Kerajaan Malayan Union membentuk satu jawatankuasa 12 orang terdiri dari wakil-wakil UMNO, wakil-wakil Raja Melayu dan wakil-wakil Kerajaan British duduk di dalamnya.

Mereka diberi tanggungjawab menggubal perlembagaan baru bagi Tanah Melayu pada masa itu oleh pihak-pihak yang terlibat. Hasilnya lahirlah Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948.

UMNO pun membuka pintu keahliannya kepada orang perseorangan dan badan-badan yang enggan membubarkan dirinya menjadi bahagian UMNO telah diterimanya sebagai ahli bergabung dengan beberapa hak tertentu.

Tahun 1949 juga mencatatkan beberapa peristiwa

penting dalam perjuangan UMNO. Jabatan Pemuda dan Jabatan Kaum Ibu dibentuk, satu persidangan alim ulama-mak dianjurkan dan lahirlah sayap ketiga dalam UMNO dikenali sebagai Badan Ulamak.

Malangnya Badan Ulamak yang hendak diwujudkan itu telah dipotong oleh orang-orang tertentu dan menjadikannya sebagai badan politik bernama Persatuan Islam Setengah Melayu (PAS) yang menjadi lawan UMNO paling hebat sekali.

Dalam tahun ini juga memperlihatkan perpecahan dalam UMNO berikutan dengan soal undang-undang kerakyatan dan memberi taraf kerakyatan kepada orang-orang Melayu seperti yang disyorkan oleh jawatankuasa perhubungan kaum yang diketuai oleh Datuk Thuraisingham.

Dato' Onn dikecam hebat sehingga memaksa beliau meletakkan jawatan sebagai Yang Dipertua UMNO. Persidangan khas diadakan setahun

kemudian membincangkan perkara itu dalam suasana panas dan tegang.

Perletakan jawatan Dato' Onn dan rakan-rakannya dalam pucuk pimpinan menyebabkan ahli-ahli UMNO sebagai anak ayam kehilangan ibu, tetapi berkat kematangan ahli-ahli UMNO secara mesyuarah mereka memujuk Dato' Onn kembali memimpin UMNO.

Dalam tahun inilah suara-suara untuk memerdekakan Tanah Melayu dari penjajah British mula didengar. Pemuda UMNO dalam persidangan agung tahun 1951 menghapuskan seruan "Hidup Melayu" menggantikannya dengan slogan: Merdeka.

Dalam tahun 1951 juga pucuk pimpinan UMNO bertukar tangan. Seorang putera Diraja, Tunku Abdul Rahman mengetuai parti itu, setelah Dato' Onn meletakkan jawatan dan menubuhkan sebuah parti baru IMP.

Sepanjang dua belas bulan itu pergolakan te-

rus hebat di Tanah Melayu — sebilangan pemimpin UMNO turut mengikut jejak Dato' Onn termasuk anaknya Hussein yang waktu itu menjadi Setiausaha Agung UMNO.

Atas desakan UMNO, Kerajaan Inggeris bersetuju mengadakan pilihanraya majlis-majlis bandaran di Kuala Lumpur. Ini memperlihatkan ujudnya kerjasama dan persfahaman antara UMNO — MCA dalam merebut kerusi pilihanraya itu.

Sejak tahun 1952, UMNO mula dengan lantang menuntut supaya Tanah Melayu dimerdekan. Para pemimpinnya memperkenalkan perjuangan itu di peringkat antarabangsa dengan menghadhiri persidangan bertaraf itu.

Ini adalah satu-satu perjuangan UMNO yang akan terukir dalam sejarah tanahair dan juga dalam sejarah perjuangan manusia untuk membebaskan diri daripada belenggu penjajahan.

Seperti yang dibuktikan, UMNO menuntut



TUN Perdana Menteri kelihatan sedang berjabat salam dengan bekas Perdana Menteri Tengku Abdul Rahman.

kemerdekaan dengan menggunakan lunas-lunas perlembagaan tanpa menumpahkan setitik darah pun.

Kerana itu agaknya, ada kalangan yang tidak senang dan menganggap mutu kemerdekaan yang didapati itu kurang mu-

tunya berbanding dengan kemerdekaan yang melibatkan pertumpahan darah. Kenyataan ini, menurut para pemimpin UMNO termasuk Tunku Abdul Rahman, Tan Sri Syed Jaafar Albar adalah keliru dan tidak benar.

Para pemimpin UMNO juga menyedari bahawa dalam negara yang diduduki oleh pelbagai kaum, jika tidak ada intergrety antara kaum boleh melumpuhkan negara.

Lahirnya UMNO dengan sendirinya berarti ujudnya persatuan di kalangan orang Melayu dan menghidupkan semangat Melayu yang tidak kenal sempadan sempadan negeri. Dan bersetujunya UMNO menggabungkan diri dalam perikatan menjadi

bukti nyata bahawa ia juga berjaya menyatukan kaum-kaum di negara ini.

Dalam perlembagaan pula termaktub bahawa agama rasmi negara ialah Islam manakala Bahasa dan Kebudayaan Melayu dijadikan bahasa dan kebudayaan kebangsaan.

Semuanya sudah agak jelas, tetapi perjuangan UMNO tidak habis setakat itu sahaja!